From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: BENGKEL SMARTPLS PERKASA KEMAHIRAN ANALISIS DATA WARGA AKADEMIK SLCP
Date: Wednesday, 9 September, 2026 7:10:49 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

9 SEPTEMBER 2026 / 27 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Dr. Nor Hanani Ismail
Gambar oleh: Nur Fatirah Mohd Dzahir

BENGKEL SMARTPLS PERKASA KEMAHIRAN ANALISIS DATA WARGA AKADEMIK SLCP



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Jawatankuasa Penyelidikan, Perundingan dan Seminar telah menganjurkan Bengkel Pengenalan Analisis Data Menggunakan SmartPLS (Siri 1) bagi memberi pendedahan kepada warga akademik mengenai penggunaan Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) dalam penyelidikan kuantitatif.

Bengkel yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama (BMU), SLCP itu dikendalikan oleh Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS), Dr. Mazlan Mohd Sappri dan disertai seramai 20 peserta.

Bengkel tersebut memberi penekanan kepada pemahaman konsep asas PLS-SEM serta penggunaan SmartPLS 4 sebagai alat untuk menganalisis dan menguji hubungan antara konstruk dalam sesuatu model penyelidikan.



Sepanjang bengkel, peserta dibimbing secara *hands-on* bermula daripada proses membangunkan model kajian, mengenal pasti konstruk dan pemboleh ubah, memasukkan data sehingga menjalankan analisis menggunakan SmartPLS 4.

Sebagai latihan praktikal, peserta menggunakan set data berkaitan *Zakat on Touch*, sebuah aplikasi perkhidmatan zakat, bagi memahami proses penilaian sesuatu aplikasi berdasarkan persepsi pengguna. Peserta turut mempelajari cara membaca hasil analisis serta mengenalpasti *red flags* yang memerlukan penelitian lanjut dalam penilaian sesuatu model.

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, SLCP, Prof. Madya Dr. Solahuddin Abdul Hamid berkata, pendedahan kepada kaedah analisis seperti PLS-SEM penting kepada pensyarah bukan sahaja untuk penyelidikan sendiri, malah dalam menjalankan tanggungjawab sebagai penyelia.



“Sekurang-kurangnya pensyarah perlu mempunyai pengetahuan asas tentang kaedah analisis ini supaya mereka mempunyai kefahaman yang mencukupi untuk membimbing dan menyelia pelajar yang menggunakannya dalam penyelidikan.

“Walaupun SmartPLS merupakan sesuatu yang baharu bagi sebahagian peserta, mereka menunjukkan komitmen untuk mengikuti proses analisis dari peringkat awal dan mencuba sendiri setiap langkah yang ditunjukkan oleh penceramah,” katanya.

Penganjuran Bengkel Pengenalan Analisis Data Menggunakan SmartPLS (Siri 1) ini merupakan antara usaha SLCP untuk

memperkukuhkan kompetensi penyelidikan dalam kalangan warga akademik serta meningkatkan keupayaan pensyarah dalam penyelidikan kuantitatif dan penyeliaan pelajar.





Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.